

WADDAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
<http://umplibrary.ump.edu.my>



MENARIK DI DALAM...

- Perpustakaan UMP Pekan
- IR dan Indeks Perpustakaan UMP
- Pangkalan Data Pilihan: Wizfolio
- Program Perkongsian Pengalaman: Menjadi Seorang Penulis Buku

KANDUNGAN

WADAH

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
<http://umplibary.um.edu.my>

MUKA SURAT

BICARA KETUA PUSTAKAWAN

2

INFOLIB

Perkhidmatan Perpustakaan UMP Pekan

3

IR dan Indeks Perpustakaan UMP

4

Mesyuarat Agung Kelab Perpustakaan UMP Kali ke-2

5

Penerimaan 3 Pelatih UiTM

6

Program Perkongsian Pengalaman: Menjadi Seorang Penulis Buku

6

Lawatan Akademik Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM

7

Galeri Sukan Bola Keranjang

8

Seminar 'Knowledge Management'

8

Peristiwa : Lensa Lawatan

9

KNOWLEDGE LIB

Pangkalan Data Pilihan : WizFolio

10

Info Perkhidmatan : EZ - Proxy & e-Exam Paper

11

Info Kemudahan : Auditorium, Bilik Seminar & Kiost Peminjaman

12

Unit Pilihan : Unit Media & Unit Digital

13

CORETAN

Tahniah

14

Kelahiran Cahayamata

Sukan: Bola Tampar & Tempin Bowling

Majlis Anugerah Sukan UMP 2010

Ulangtahun Kelahiran

Takziah

14

Pertukaran

14



WizFolio
Joy of Knowledge Discovery



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

TUAN HAJI RUSLAN CHE PEE
(KETUA PUSTAKAWAN UMP)

PEMBERITA

ROHANA MAT SAID
HAZLINDA ABDUL RAHMAN

PENGERUSI

DZULL ZABARROD AHMAD
(TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN)

JURUFOTO

MOHD AMIRUL MOHD AMIN
MOHD ESUADI MUSTAFFA

KETUA EDITOR


AHMAD NURUDIN ABDUL NASIR

REKABENTUK/GRAFIK

UNIT DIGITAL PERPUSTAKAAN UMP

EDITOR

ISWAN AKIM ISMAIL
SITI AISHAH GHANI



BICARA KETUA PUSTAKAWAN

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Perpustakaan merupakan satu ikon penting dalam lanskap dan ekosistem Universiti. Sebagai pusat ilmu, Perpustakaan UMP memberikan sumbangan yang signifikan kepada proses pendidikan, pengajaran & pembelajaran, dan penyelidikan universiti. Usaha meningkatkan keupayaan Perpustakaan UMP dari segi infrastruktur dan infostruktur perlu berterusan bagi memantapkan fungsi dan kompetensi perpustakaan.

Sebagai sebuah perpustakaan universiti yang lahir dalam abad ke 21, Perpustakaan UMP juga menghadapi banyak isu dan cabaran semasa. Cabaran globalisasi, ledakan maklumat, teknologi ICT, transformasi dunia perkerjaan, peningkatan kuasa pengguna, pengurusan ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat, meminta Perpustakaan UMP perlu membuat transformasi akan konsep, struktur dan peranannya agar lebih berdaya saing, berdaya tahan dan lestari. Ketidakkampuan perpustakaan untuk beradaptasi dengan perubahan persekitaran yang mencabar pada abad 21 ini akan menyebabkan Perpustakaan akan terus terencil dan tidak lagi relevan.


“Struktur dan ruang perpustakaan juga telah diubahsuai, bercirikan *student centred learning (SCL)* dan *information common*.”

Bagi mencapai agenda transformasi, maka Perpustakaan UMP telah mengintegrasikan konsep pengurusan maklumat dengan konsep pengurusan ilmu. Selain mengurus *explicit knowledge*, Perpustakaan UMP juga mengurus *tacit knowledge* bagi organisasi. Struktur dan ruang perpustakaan juga telah diubahsuai, bercirikan *student centred learning (SCL)* dan *information common*. Fungsi dan peranan perpustakaan juga telah ditambah nilai agar ianya terus relevan dengan peredaran masa.

Sebagai satu ikon dalam lanskap dan ekosistem universiti, maka Perpustakaan UMP telah memantapkan hubungannya dengan fakulti dan jabatan dalam organisasi. Pendekatan konsep *Liason Officer* dan *Library Representatives* telah digunakan bagi memantapkan perkhidmatan perpustakaan. Perpustakaan UMP juga telah memberikan perkhidmatan maklumat komuniti, khususnya pada zon pantai timur. Perkhidmatan maklumat komuniti ini perlu diperkembang dan dimantapkan lagi bagi mencapai objektif perpustakaan untuk menjadi hub pendidikan di zon timur.



PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UMP PEKAN



Disediakan oleh: Azian Abd Rahman, Timbalan Ketua Pustakawan

Perpustakaan UMP telah melebarkan sayapnya dengan membuka perkhidmatan perpustakaan di Kampus Pekan bermula tanggal 1 Mac 2010. Perpustakaan sementara berkeluasan 1200 meter persegi dan mampu memuatkan seramai 120 orang pada satu-satu masa terletak di Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) UMP Kampus Pekan. Sehingga akhir 2010, koleksi di Perpustakaan UMP Pekan telah mencecah sebanyak 6400 naskah. Majoriti bahan yang terdapat di Perpustakaan ini adalah buku-buku dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal dan Kejuruteraan Elektrik & Elektronik. Bilangan staf yang menjalankan operasi di Perpustakaan UMP Pekan adalah seramai 6 orang dengan diketuai oleh seorang Pustakawan Kanan.

Di Kampus Pekan juga, Perpustakaan UMP dalam proses pembinaan bangunan tetap yang berkeluasan 16,000 meter persegi dan mampu memuatkan seramai lebih-kurang 4500 orang pengguna pada satu-satu masa. Bangunan 4 tingkat ini dijangka siap pada Julai 2011 dan akan dibuka kepada pengguna pada Januari 2012. Setelah siap, ia akan menjadi Perpustakaan Induk UMP, sementara Perpustakaan UMP Gambang akan dijadikan perpustakaan cawangan.



ILUSTRASI PERERA (PANDANGAN MADAPAN)



GAMBAR SEBENAR (PANDANGAN BELAKANG)
15 APRIL 2011

Majlis Pelancaran INSTITUTIONAL REPOSITORY (IR) SISTEM INDEKS PERPUSTAKAAN UMP

TARIKH: 23 DISEMBER 2010 (KHAMIS) TEMPAT: PERPUSTAKAAN UMP



Disediakan oleh: Azian Abd Rahman & Dzull Zabarroed Ahmad, Timbalan Ketua Pustakawan

INSTITUTIONAL REPOSITORY UMP (IR) & SISTEM INDEKS PERPUSTAKAAN UMP

UMP Institutional Repository (UMPIR) adalah perkhidmatan penyimpanan dokumen digital hasil karya staf dan pelajar Universiti Malaysia Pahang. UMPIR menyediakan akses penuh kepada penerbitan universiti seperti artikel jurnal, kertas persidangan, penyelidikan, tesis dan disertasi. Indek Perpustakaan UMP pula, merupakan sebuah pangkalan data yang mengandungi entri-entri berkaitan bahan-bahan koleksi perpustakaan UMP. Pada 23 Disember 2010, Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah mengadakan Majlis Pelancaran *Institutional Repository (IR)* dan Sistem Indeks Perpustakaan UMP. Majlis ini diadakan di Auditorium Perpustakaan dan dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi, Profesor Dato' Dr. Rosli bin Mohd Yunus mewakili Naib Canselor UMP.

Institutional Repository (IR) atau Pusat Repositori merupakan sistem yang dibangunkan menggunakan EPrint3 bagi menghimpunkan koleksi ilmiah dan penyelidikan universiti dalam bentuk digital. Ia menjadi platform untuk mengumpul, memelihara dan mengadaptasi konsep akses secara terbuka (*open access*) yang dapat mengetengahkan bahan ilmiah dan hasil penyelidikan staf UMP ke peringkat global. Dengan perubahan teknologi yang pantas, IR bukan sahaja dilihat sebagai tempat untuk menyimpan, mengurus, dan mengakses kandungannya tetapi sepatutnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh sesebuah organisasi dalam mengurus bahan intelek mereka.

<http://umpir.ump.edu.my/>

Indek perpustakaan UMP merupakan sebuah pangkalan data yang mengandungi entri-entri berkaitan bahan koleksi perpustakaan UMP. Ia merupakan alat membantu pengguna Perpustakaan UMP menjejaki kedudukan maklumat yang berada di dalam bahan seperti buku, suratkhbar dan majalah di Perpustakaan UMP. Skop koleksi perpustakaan yang diindeks merangkumi semua koleksi bercetak yang terdapat di Perpustakaan UMP sahaja. Indek Perpustakaan juga merangkumi indek subjek, nama individu, nama kumpulan, organisasi dan geografi. Indek Perpustakaan boleh dimanfaatkan oleh pelajar, pensyarah, penyelidik dan sesiapa sahaja yang membuat rujukan bahan di Perpustakaan UMP.

Indeks Perpustakaan bertujuan meningkatkan bilangan pengguna di perpustakaan dan pada masa yang sama memaksimumkan penggunaan bahan-bahan bercetak di perpustakaan UMP. Ia bertujuan agar pengguna mempunyai jalan pintas untuk mendapatkan maklumat di dalam sesebuah bahan. Antaranya adalah :

- > Tidak perlu mengambil masa yang lama dengan menyelak mukasurat buku untuk mencari maklumat yang diperlukan.
- > Dapat menganalisa kedudukan maklumat yang berada di perpustakaan.
- > Perancangan pencarian maklumat di perpustakaan dapat dilakukan dengan lebih berkesan.

<http://apps-cfm.ump.edu.my/LibIndex>

MESYUARAT AGUNG KELAB PERPUSTAKAAN UMP KE 2

PEMBUBARAN AJK 2008/10 DAN PELANTIKAN BARU AJK 2011/13

Seramai 33 ahli daripada 48 ahli kelab telah hadir ke Mesyuarat Agung Kelab Perpustakaan UMP kali ke 2 pada 12 Januari 2011 di Bilik Seminar Perpustakaan UMP jam 10.00 pagi. Mesyuarat tersebut bertujuan untuk pembentangan laporan aktiviti, pembentangan akaun kewangan kelab sepanjang pelantikan AJK 2008/2010, pembubaran AJK Kelab Perpustakaan 2008/2010, perantikan AJK baru sesi 2011/2013, tayangan montaj aktiviti serta sambutan hari lahir staf Perpustakaan UMP.

Pelantikan AJK Kelab Perpustakaan UMP 2008/2010, diterajui oleh :

Penaung : Tuan Haji Ruslan Che Pee
 Pengerusi : Ahmad Nurudin Abdul Nasir
 Naib Pengerusi : Azian Abd Rahman
 Bendahari : Mohd Esuadi Mustaffa
 Setiausaha : Rohana Mat Said
 Ketua AJK : Iswan Akim Ismail
 AJK : Shamsor Masra Othman
 Norsaini Abd Samad
 Rosfadilla Mohamad Zainun

Pelantikan AJK Kelab Perpustakaan UMP 2011/2013, diterajui oleh :

Penaung : Tuan Haji Ruslan Che Pee
 Pengerusi : Iswan Akim Ismail
 Naib Pengerusi : Siti Aishah Ghani
 Bendahari : Zuriakatina Muda
 Setiausaha : Wan Rosnur Irma Wan Mohamad
 Biro Sukan & Reaksi : Mohd Adzha Mat Sam
 Biro Kerohanian : Zaiful Bahari Baharum
 Biro Keusahawanan : Nazatul Shima Baroji
 Biro Dokumentasi : Mohd Amirul Mohd Amin
 Biro Kebajikan : Asmadi Ahmad
 Biro Kampus Pekan : Kamariah Gono

Kelab Perpustakaan UMP 2008/10 telah berjaya mengadakan sebanyak 32 aktiviti sepanjang tempoh pelantikan dan aktiviti yang paling menjadi kenangan dan ingatan sehingga kini ialah Aktiviti Berkayak pada 27 Februari 2010, Kem Motivasi Kerja Berpasukan di Dusun Eco Resort pada 15 - 16 Mei 2010 dan trip ke Pulau Tioman pada 26 - 27 Jun 2010.

Dengan pelantikan baharu AJK Kelab Perpustakaan UMP 2011/2013 dapat mengadakan aktiviti - aktiviti untuk mengeratkan silaturahmi antara sesama ahli kelab dengan lebih kerap dan mentadbir kelab dengan baik. Penstrukturan semula carta organisasi Kelab Perpustakaan diharap dapat memberi kesan yang positif untuk memajukan dan menggerakkan aktiviti-aktiviti dengan penuh komitmen.



PENERIMAAN 3 PELATIH PRAKTIKAL UiTM

Perpustakaan UMP berbesar hati menerima 3 orang pelajar UiTM yang memilih Perpustakaan UMP sebagai tempat menjalani latihan praktikal selama 2 bulan, bermula pada 22 November 2010 sehingga 21 Januari 2011. Pelajar Sarjana Muda Sains Pengurusan Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat) dari UiTM Shah Alam, Kampus Puncak Perdana iaitu Alif bin Ahmad, Mohd Fadli bin Samsudin dan Mohd Hanafi bin Mohamed telah menjalani latihan di setiap unit di dalam Perpustakaan UMP dan berpeluang melawat tapak pembinaan bangunan baru Perpustakaan UMP di kampus tetap UMP Pekan, Pahang.

Bagi memastikan mereka menjalankan latihan praktikal dengan baik, penyelia latihan praktikal Fakulti Pengurusan Maklumat (UiTM), Encik Mohd Zaihan Hussin telah hadir pada 23 Disember 2010 untuk mendapatkan maklumbalas daripada pihak pengurusan Perpustakaan UMP berkenaan dengan prestasi, kehadiran dan disiplin mereka.

Majlis perpisahan telah diadakan pada 20 Jan 2011 disertakan dengan perasmian pameran projek mereka iaitu pameran kolag keratan akhbar berkenaan dengan kes jenayah dan kemalangan sepanjang tahun 2010 yang bertajuk 'Salah Siapa'. Secara keseluruhannya, mereka telah berjaya menamatkan latihan praktikal dengan baik dan pihak Perpustakaan UMP berharap semoga mereka bertiga berjaya mengejar cita-cita dan menggunakan segala pengalaman latihan praktikal di UMP untuk menempuh alam pekerjaan akan datang.

Disediakan oleh: Ahmad Nurudin Abdul Nasir, Unit Digital

PROGRAM PERKONGSIAN ■ PENGALAMAN MENJADI SEORANG PENULIS BUKU

Pada 16 Mac 2011, Unit Pengurusan Ilmu Perpustakaan telah menganjurkan satu program perkongsian pengalaman dengan Puan Ida Rizyani binti Tahir, Pensyarah Pusat Pengurusan Teknologi UMP. Beliau dijemput khusus ke program ini untuk berkongsi pengalaman sebagai seorang penulis buku.

Berkecimpung dalam penulisan buku sejak tahun 2005 dan genre remaja menjadi pilihan beliau. Antara karya beliau adalah G.I.M Gemuk Itu Menarik, Elegi Tupai & Sepet, J.A.Y Janji Anak Yatim, Jalan Jauh ke Kampus dan Haura Harry.

Program selama satu jam setengah ini dihadiri seramai 30 orang terdiri dari staf akademik dan bukan akademik UMP bagi mendapatkan tips-tips menjadi seorang penulis, apa persediaan, apakah faedah menjadi seorang penulis dan sebagainya. Ia bertujuan memberi motivasi kepada staf untuk memulakan langkah pertama mereka dalam bidang penulisan buku.

Perkongsian pengalaman ini mendedahkan pendengar bagaimana mempersiapkan diri sebagai seorang penulis. Bukan sahaja bakat tetapi usaha dalam memulakan langkah pertama. Kesungguhan, ketekunan dan tidak menggunakan alasan 'tiada masa' akan menjadikan anda sebagai seorang penulis.

Bukan royalti yang dicari tetapi kepuasan apabila dapat berkongsi ilmu, pengalaman dan dapat mendidik anak bangsa melalui 'karya kita'. Itulah antara kata-kata yang diutarakan oleh Puan Ida Rizyani semasa memberi suntikan semangat buat semua pendengar.

Semoga program sebegini mendapat sambutan warga UMP pada masa akan datang. Staf yang berminat untuk berkongsi pengalaman, boleh menghubungi Unit Pengurusan Ilmu 09-5493137 (Puan Siti Aishah) untuk perbincangan lanjut.

Disediakan oleh: Siti Aishah Ghani, Unit Pengurusan Ilmu



LAWATAN AKADEMIK FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT, UiTM

Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM memang sinonim dengan dunia perpustakaan, malahan sebagai pelopor dalam memberikan pendidikan profesional untuk memenuhi keperluan tenaga kerja negara dalam bidang Pengurusan Perpustakaan dan kebanyakan jawatan pustakawan di setiap Perpustakaan Akademik dimonopoli oleh graduan daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM. Perpustakaan UMP telah menerima 2 lawatan dari Fakulti Pengurusan Maklumat (Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat), Kampus Puncak Perdana, UiTM Shah Alam, mereka diberi pendedahan tentang proses kerja, teknologi, cabaran serta suasana sebenar pengurusan perpustakaan sebagai gedung ilmu di setiap institusi pendidikan.

Mereka melawat kesemua bahagian terutama Unit Perolehan, Unit Katalog dan Unit Sirkulasi sebagai unit utama dan unit – unit baru dalam struktur organisasi perpustakaan seperti Unit *Knowledge Management*, Unit Koleksi Khas, Unit Digital dan Unit Automasi. Perkongsian pengalaman tentang jawatan Pustakawan sebagai '*knowledge sharing*' juga diberi kepada para pelajar sebagai informasi awal mengenai cabaran dan tanggungjawab di dalam dunia kepustakawanan mengikut arus pembangunan semasa yang mereka akan harungi selepas tamatnya pengajian.

Lawatan pertama iaitu pada 26 Februari 2011, seramai 33 orang pelajar diiringi oleh pensyarah, Mohd Zaihan Hussin untuk subjek *IML 603 – Planning and Design of Information Center* selamat tiba di perkarangan Perpustakaan UMP pada jam 11.30 pagi. Manakala lawatan kedua pada 7 Mac 2011, seramai 30 orang pelajar diiringi oleh pensyarah untuk subjek *IML 454 – Management of Library and Information Center* iaitu Puan Che Zainab Hj Abdullah.

Melalui lawatan tersebut, diharap para pelajar dapat mendalami dan memahami pendedahan yang diterima ke dalam subjek – subjek berkaitan dengan pengurusan perpustakaan sepanjang pengajian mereka. Perpustakaan UMP mengalu-alukan lawatan sedemikian untuk bertukar pendapat dengan para pelajar dan pensyarah tentang teknologi dan isu-isu terkini tentang dunia kepustakawanan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan dan memenuhi kehendak pengguna.



GALERI SUKAN BOLA KERANJANG DI PERPUSTAKAAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah dilantik oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sebagai Pusat Sukan Tumpuan (PST) Bola Keranjang di Malaysia bagi peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Fungsi PST adalah sebagai Pusat Pembangunan Bola Keranjang di Malaysia dari peringkat akar umbi sehinggalah mencapai sasaran yang ditetapkan sebelum dinaikkan taraf kepada Pusat Kece-merlangan Sukan (PKS).

Perpustakaan UMP dipertanggungjawabkan untuk menyediakan tempat pameran, bahan-bahan yang berkaitan dengan bola keranjang samaada bahan berbentuk bercetak dan elektronik bagi menyokong sasaran KPT untuk membangunkan sukan bola keranjang di Malaysia. Dengan maklumat yang mencukupi dapat melahirkan bakat baru pemain bola keranjang di peringkat IPT terutama di Universiti Malaysia Pahang.

Disediakan oleh: Iswan Akim Ismail, Unit Media



SEMINAR PENGURUSAN ILMU

31 Jan 2011, Seminar Pengurusan Ilmu telah diadakan di auditorium Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang bagi memberi pengetahuan umum mengenai pengurusan pengetahuan. Seminar separuh hari ini merupakan kerjasama antara Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian; Perpustakaan; dan Pusat Teknologi Maklumat Universiti Malaysia Pahang.

Dr Mohamad Zainuddin bin Mat Taib, Perunding ICT Sektor Awam telah berkongsi dengan peserta mengenai "Perkembangan Semasa KM di Malaysia, Cabaran dan Halangan serta Pengenalan KMSIG Sektor Awam".

Selain itu pihak perpustakaan berkongsi alat dalam pelaksanaan pengurusan pengetahuan di perpustakaan iaitu *Knowledge Bank*, *Files Bank* dan juga *IR (Institutional Repository)*. Ia dibentangkan oleh Puan Azian Abd. Rahman, Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan UMP.

Seramai 98 peserta yang hadir terdiri daripada staf UMP, staf dari perpustakaan di sekitar Negeri Pahang, pelajar dan pensyarah institusi pengajian tinggi di sekitar Negeri Pahang.

Semoga inisiatif yang dilaksanakan ini dapat memberi pendedahan dan membantu organisasi mereka dalam melaksanakan pengurusan pengetahuan.

Disediakan oleh: Siti Aishah Ghani, Unit Pengurusan Ilmu



PERISTIWA



LAWATAN PELAJAR KOLEJ SHAH PUTRA
31 JAN 2011



LAWATAN PELAJAR SEKOLAH KEB TENTERA
23 FEB 2011



KELAS KEMAHIRAN MAKLUMAT
23 FEB 2011



AUDIT EAC
3 MAC 2011



LAWATAN IKM PEKAN
11 MAC 2011



SEMINAR ONLINE INFORMATION ASIA PACIFIC,
HONG KONG
22 - 27 MAC 2011



LAWATAN PUSAT SUMBER SEK. MEN. AGAMA
MAHMUDIAH, KUALA BERANG
24 MAC 2011

WizFolio

Joy of Knowledge Discovery



Search

The fast and convenient **WizFolio** Search page is optimised for scholarly publications. **WizFolio** Search returns results from **WizFolio's** Publicly shared collections, PubMed, Scholars Portal, CiteULike or Google Scholar. Convenient features include a one-click save to your **WizFolio** account and a one-click linkage to locate PDFs. [Learn more](#)

[Sign Up Now](#)

Disediakan oleh: Azura Omar, Unit Terbitan Bersiri

Tahukah anda bahawa aplikasi perisian **Wizfolio** dapat membantu anda untuk menguruskan rujukan bibliografi dalam penghasilan sesebuah penulisan atau tugas dengan cara yang mudah dan cepat. Kegunaan perisian ini berupaya untuk mengumpul, menyusun dan menghasilkan petikan dalam berbagai bentuk format sedia ada seperti rujukan buku, jurnal, paten dan sebagainya.

Anda tidak perlu mengguna cara tradisional seperti menyalin patah demi patah untuk rujukan yang diperlukan. Perisian ini boleh mengimport rujukan dari berbagai sumber penerbit seperti *Wiley*, *IEEE*, *Springer* dan sebagainya dan sumber pangkalan data seperti *Scopus*, *Google*, *Science Direct* dan lain-lain pangkalan data yang dilanggan universiti atau yang berbentuk akses terbuka.

Selain dapat berkongsi rujukan dengan rakan-rakan, anda juga dapat mengesan rujukan *PDF* lebih cepat di mana aplikasi **Wizfolio** akan disepadukan dengan penetapan institusi perpustakaan untuk mendapatkan artikel teks penuh yang dilanggan.

Data bibliografik juga boleh diperolehi dari format *PDF* dengan memuat naik bahan yang diperlukan dan **Wizfolio** akan mengesan data bibliografik tersebut. Selain itu komponen lain yang terdapat dalam **Wizfolio** ialah:

WizCite iaitu alat kolaboratif yang membolehkan pelbagai pengguna memasukkan petikan dari sesuatu jurnal artikel dalam satu dokumen dan mengumpul rujukan-rujukan dari dokumen bibliografik tersebut. Format bibliografik boleh disesuaikan mengikut kehendak anda.

WizAdd berfungsi untuk mengambil data dari laman web bagi bahan dalam format teks, imej, pautan, serta video dan dimasukkan ke dalam akaun pengguna untuk sedia digunakan dan dikongsi bersama rakan.

Perpustakaan UMP telah melanggan perisian ini sejak Disember 2010. Bagi yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang cara untuk menggunakannya, sila berurusan di Unit Rujukan Perpustakaan UMP. Aktiviti latihan seperti kelas kemahiran maklumat akan diadakan setiap hari Rabu dan Jumaat.



Import (WizAdd)

Bibliographic data directly from over 200 scientific publishers (IEEE, Springer, Wiley, Nature, Science) and databases (Google Scholar, Scopus, ISI, JSTOR, Proquest, etc) using **WizAdd**, our Web Importer. Also automatically imports free PDFs into your online collection.

iPortal Perpustakaan UMP :
<http://iportal.ump.edu.my/> >>> EZ-Proxy
 atau
 EZ-Proxy Perpustakaan UMP :
<http://ezproxy.ump.edu.my/login>

Username :
 (Your staff/student ID)
 ID Password :
 (Your complete IC number/Passport number)

Setiap pengguna perlu membuka akaun dengan mendaftar menggunakan emel institusi.

“Selamat tinggal petikan konvensional
 Selamat datang **Wizfolio**”



INFO PERKHIDMATAN



**EZPROXY
LIBRARY**
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
Formerly known as KUKTEM
<http://ezproxy.ump.edu.my>

Disediakan oleh: Amelia Hassan, Unit Automasi

Ez-proxy adalah sistem yang bertindak sebagai *proxy server* bagi menghubungkan pengguna Perpustakaan UMP dengan senarai pangkalan data atas talian yang dilanggan oleh Perpustakaan UMP.

Tujuannya adalah untuk memudahkan pengguna Perpustakaan UMP mengakses pangkalan data atas talian yang dilanggan UMP di mana mereka berada melalui rangkaian internet tanpa kata laluan untuk setiap pangkalan data bagi membantu dan menyokong proses pengajaran dan pembelajaran UMP.

Antara kandungan di dalam Ez-Proxy Perpustakaan UMP ialah:

- > Senarai Pangkalan Data yang dilanggan
- > e-Journals
- > e-Books
- > e-Newspapers
- > e-Article
- > e-Exam Paper
- > Pangkalan data dalam percubaan

Cara akses:

- > <http://iportal.ump.edu.my>
- > <http://ezproxy.ump.edu.my>

Username : < id pengguna – staf atau pelajar>
Password : < no. kad pengenalan / no. passport pengguna>

Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pangkalan data, sila berurusan di Unit Rujukan
Nor Ashikin Ahmad, 549 3148/3146 (ashikinahmad@ump.edu.my)
Terbitan Bersiri
Noor Azura Binti Omar, 549 3136/8023 (noorazura@ump.edu.my)

LIST OF ONLINE RESOURCE

- [Databases](#)
- [E-Journals](#)
- [E-Books](#)
- [E-Newspapers](#)
- [E-Article](#)
- [Exam Paper](#)
- [On Trial](#)

Databases

<p>ACS Publications American Chemical Society (ACS) Consists of research journals in chemical and related science with complete subscribe text for 24 journals title from year 1879 and above.</p>	<p>ASCE American Society of Civil Engineering (ASCE) Contains subscription access to 30 titles of ASCE Journals such International Journal of Geomechanics, Journal of architectural Engineering, Journal of Environmental Engineering etc. Focus on engineering subject</p>
<p>ASME American Society of Mechanical Engineers (ASME) Contains subscription access to 22 titles of ASME Journals from year 2000 and above.</p>	<p>PORTAL Association of Computing Machinery (ACM) Computing and information technologies from journals, magazine, conference proceedings published by the Association of Computing Machinery (ACM). A vast collection of citations and full text technical titles including 6 journals, 10 magazines, 250 of proceeding, 57 newsletter and 7 interviews.</p>
<p>CLI LAW Current Law Contains all Current Law Journal and Supplement decisions reported in MCLJ printed publications from 1981 to present day. In addition the Industrial Law Reports are included from 1980.</p>	<p>EBSCOHOST EBSCOhost includes Academic Source Premier which provides e-reading & abstract and PDF backfiles for more than 100 top academic journals, dating back as far as 1965 or the first issue published, Business Source Complete which also provides school business journals back as far as 1886 are included u</p>
<p>Emerald EMERALD Scope: Engineering, General Management, Human Resources, Information Management, Library & Information Services, Marketing, Operations, Production & Economics, Property, Quality, Training & Education</p>	<p>IEEE Xplore IEEE/IEE Electronic Library (IEL) IEEE/IEE Electronic Library is a digital library providing fulltext of the world's highest quality technical literature in electrical engineering, computer science and electronics. IEL includes journals, transactions and magazines from 1968 with select content back to 1915. IEEE conference proceeding from 1988 with select content back to 1915.</p>
<p>STANDARDS Malaysia Standards Catalogue Online Malaysian Standards Catalogue of over 4,000 Malaysian Standards available for purchase, searchable by MS Numbers, title and keywords. Let you know the latest MS numbers published and the specific MS details.</p>	<p>PROQUEST PROQUEST Scopus is the largest abstract and citation database. It covers 16,000 peer-reviewed journals from more than 4,000 publishers, more than 1200 Open Access Journals, 526 conference proceedings, 65 publications and 315 book series. Scopus is the broadest coverage available of Scientific, Technical, Medical and Social Sciences literature.</p>
<p>ScienceDirect ScienceDirect ScienceDirect is a leading full-text scientific database offering journal articles and book chapters from more than 2,500 peer-reviewed journals and more than 11,000 books. Also, there are currently more than 9.5 million articles/chapters.</p>	<p>SCOPUS SCOPUS Scopus is the largest abstract and citation database. It covers 16,000 peer-reviewed journals from more than 4,000 publishers, more than 1200 Open Access Journals, 526 conference proceedings, 65 publications and 315 book series. Scopus is the broadest coverage available of Scientific, Technical, Medical and Social Sciences literature.</p>
<p>SIRIM SIRIM Electronic Library Online access to SIRIM Library collection of technical materials covering 500,000 standards, 500 technical journals title, 3,000 technical reports and 30,000 books of various scientific and technical fields.</p>	<p>SpringerLink Springer Link Chemical Sciences, Computer Science, Earth and Environmental Sciences, Life Sciences, Geosciences, Engineering, Law, Math, Physics and Astronomy, Economics, Medicine, Biomedical and Life Science, Behavioral Science, Humanities, Chemistry and Natural Sciences</p>
<p>Journal Citation Reports (JCR) Journal Citation Reports Journal Citation Reports® is a comprehensive and unique resource that allows you to evaluate and compare journals using citation data drawn from over 11,000 scholarly and technical journals from more than 2,300 publishers in over 80 countries. It is the only source of citation data on journals, and includes virtually all areas of science, technology, and social sciences.</p>	<p>WizFolio WizFolio WizFolio was similar to RefWorks & Endnote which is a reference bibliographic tool and very important to the researcher to help them organize their bibliographies in the articles. Some of the WizFolio features are listed below: • VizFolio can cite collaboratively across different platforms and in different format – MS Word (Win), Open Office (Win, Mac, Linux) Writer.</p>
<p>SAGE JOURNALS Online List of SAGE Journals Online SAGE publishes more than 520 journals in Business, Humanities, Social Sciences, and Science, Technology and Medicine. SAGE Journals Online is the delivery platform that provides online access to the full text of individual SAGE journals. The SAGE Full-Text Collections, SAGE's award-winning, discipline-specific research databases, are also available on SAGE Journals Online.</p>	<p>DOAJ Directory of Open Access Journals (DOAJ) service covers free, full quality controlled scientific and scholarly journals. Aims to cover all subjects and languages. There are now 1549 journals in the directory. Currently 369 journals are searchable at article level. As 7283 articles are included in the DOAJ service.</p>
<p>ELT JOURNAL ELT Journal ELT Journal is a quarterly publication for all those involved in the field of teaching English as a second or foreign language. The Journal links the everyday concerns of practitioners with insights gained from related academic disciplines such as applied linguistics, education, psychology, and sociology.</p>	<p>WorldSci International Journal of Innovation & Techn Management World Scientific's consists of 127 international peer-reviewed journals. Publication in advancing fields such as nanotechnology, biomedical science and computational science. The scope was broadened in materials science, medical science, life sciences, banking and finance and business management.</p>
<p>CHICAGO JOURNALS The Library Quarterly</p>	<p>informaworld Journal of Occupational & Environmental Hygiene Informa is the leading provider of specialist information to the global professional and commercial communities.</p>



e-Examination Paper

WELCOME TO UMP e-EXAMINATION PAPER

Your electronic resource platform for online UMP Exam Paper.
UMP staff and students can view the selected previous UMP's examination paper by using the search form below.

Search File

Faculty :
Subject :

*Please select the faculty.

*Subject service (such as mathematics)

<p>Fakulti Kejuruteraan Mekanikal</p> <p>SELECT</p> <p>BMA4703 AUTOMOTIVE TECHNOLOGY</p> <p>BMA4713 INTERNAL COMBUSTION ENGINE</p> <p>BMA4723 VEHICLE DYNAMICS</p> <p>BMA4733 AUTOMOTIVE DESIGN & STYLING</p> <p>BMA4743 ROAD VEHICLE AERODYNAMICS</p> <p>BMA4753 AUTOMOTIVE ERGONOMICS</p> <p>BMAF703 PRODUCTION PLANNING CONTROL</p> <p>BMAF753 QUALITY ENGINEERING</p> <p>BMM1423 ELECTRICAL POWER & MACHINES</p> <p>BMM1432 ELECTRICAL TECHNOLOGY</p> <p>BMM1520 ENGINEERING MATERIALS</p> <p>BMM1532 STATICS</p> <p>BMM1530 STRENGTH OF MATERIALS 1</p> <p>BMM1543 STRENGTH OF MATERIALS</p> <p>BMM1550 DYNAMICS</p> <p>BMM2432 ELECTRONICS TECHNOLOGY</p> <p>BMM2433 ELECTRICAL & ELECTRONIC TECHNOLOGY</p> <p>BMM2513 THERMODYNAMICS 1</p> <p>BMM2523 THERMODYNAMICS 2</p> <p>BMM2533 FLUIDS MECHANICS 1</p> <p>BMA4703 AUTOMOTIVE TECHNOLOGY</p> <p>BMA4713 INTERNAL COMBUSTION ENGINE</p> <p>BMA4723 VEHICLE DYNAMICS</p> <p>BMA4733 AUTOMOTIVE DESIGN & STYLING</p> <p>BMA4743 ROAD VEHICLE AERODYNAMICS</p> <p>BMA4753 AUTOMOTIVE ERGONOMICS</p> <p>BMAF703 PRODUCTION PLANNING CONTROL</p> <p>BMAF753 QUALITY ENGINEERING</p> <p>BMM1423 ELECTRICAL POWER & MACHINES</p> <p>BMM1432 ELECTRICAL TECHNOLOGY</p> <p>BMM1520 ENGINEERING MATERIALS</p> <p>BMM1532 STATICS</p> <p>BMM1530 STRENGTH OF MATERIALS 1</p> <p>BMM1543 STRENGTH OF MATERIALS</p> <p>BMM1550 DYNAMICS</p> <p>BMM2432 ELECTRONICS TECHNOLOGY</p> <p>BMM2433 ELECTRICAL & ELECTRONIC TECHNOLOGY</p> <p>BMM2513 THERMODYNAMICS 1</p> <p>BMM2523 THERMODYNAMICS 2</p> <p>BMM2533 FLUIDS MECHANICS 1</p>	<p>EST.</p>
---	-------------

Disediakan oleh: Ahmad Nurudin Abdul Nasir, Unit Digital

Merupakan platform untuk pelajar UMP merujuk soalan-soalan peperiksaan yang terdahulu secara *online* dan boleh dimuat turun dengan mudah kerana saiz fail yang kecil serta kualiti imbasan yang memuaskan iaitu 300 dpi akan memberi gambaran yang lebih jelas dalam format *searchable PDF* bagi memudahkan pelajar membuat pencarian.

Untuk mengakses Sistem e-Examination Paper

- > <http://iportal.ump.edu.my>
- > *Special Collection*
- > *e-Examination Paper*

Sebarang pertanya sila berurusan di Unit Digital Perpustakaan UMP
Ahmad Nurudin Abdul Nasir, 09 549 3141 (ahmadnurudin@ump.edu.my)
Rohana Mat Said, 09 549 8028 (rohana@ump.edu.my)



AUDITORIUM

Auditorium perpustakaan di aras 1 menawarkan ruang pembelajaran dan taklimat yang selesa dengan kapasiti pengguna 215 orang pada satu masa. Dilengkapi dengan sistem audio, pemain DVD, 2 soket input komputer, LCD projector, WIFI saluran ASTRO bagi memberi kemudahan tayangan ilmiah kepada pelajar dalam kumpulan yang besar. Untuk tempahan dan pertanyaan boleh berurusan di Kaunter Uni Media Perpustakaan atau hubungi 09 549 3140/8021.



BILIK SEMINAR

Ruang ini mampu menempatkan seramai 60 orang pengguna. Ia dilengkapi dengan pelbagai peralatan terkini yang dapat menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Antara kelengkapan di bilik ini seperti peralatan sistem audio, LCD projector, papan putih elektronik, WIFI, dan sebagainya. Untuk tempahan dan pertanyaan boleh berurusan di Unit Pengurusan Ilmu Perpustakaan atau hubungi 09 549 8016/3137



BILIK TESIS

Bilik ini digunakan untuk rujukan tesis dan projek sarjana muda pelajar UMP. Berada di aras atas dan diuruskan oleh Unit Rujukan. Dilengkapi dengan sistem kawalan CCTV, sebuah mesin fotokopi dan tempat rujukan untuk 8 orang pengguna. Perkhidmatan rujukan tesis hanya dibuka pada waktu pejabat sahaja. Untuk fotokopi, pengguna perlu mengisi borang dan hanya dibenarkan membuat salinan 24 helaian pertama sahaja.



KIOS PEMINJAMAN

2 buah terminal Kios Pinjaman Bahan disediakan di aras bawah bagi memudahkan pengguna membuat pinjaman sendiri tanpa berurusan di kaunter sirkulasi. Pengguna perlu membawa Kad Pintar Staf/Pelajar untuk membuat peminjaman. Sebagai bukti peminjaman, pengguna akan mendapat resit transaksi setelah proses peminjaman selesai.

Disediakan oleh: Nor Ashikin Ahmad, Unit Rujukan

UNIT PILIHAN

Disediakan oleh: Iswan Akim Ismail, Unit Media

Unit Media ditubuhkan untuk mempelbagaikan perkhidmatan rujukan maklumat kepada pelajar dan juga kakitangan UMP khususnya. Selain, untuk menyokong proses pembelajaran, bahagian ini juga menyediakan pilihan untuk mengakses maklumat di dalam pelbagai format elektronik yang terdahulu dan terkini, samaada dalam bentuk CD, VCD, DVD, VHS, pita kaset, disket, foto dan sebagainya.

Setiap bahan yang terdapat di Unit Media telah diproses mengikut standard dan piawaian antara-bangsa bagi menjamin keseragaman deskripsi katalog yang dihasilkan. Beberapa polisi dan peraturan yang diguna pakai berdasarkan *Anglo American Cataloguing Rules (AACR)*, *Library of Congress Classification Schedules (LCCS)* dan juga *Library Congress of Subject Headings (LCSH)*.

Pengurusan Unit Media diketuai oleh seorang pustakawan, Encik Iswan Akim Ismail dan 2 orang pembantu perpustakaan Encik Mohd Amirul Mohd Amin dan Puan Roziati Razali yang komited dalam membantu memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga UMP.

PERKHIDMATAN KAUNTER MEDIA

Perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut :

1. Perkhidmatan rujukan bahan elektronik\media.
2. Perkhidmatan pinjaman dan pemulangan bahan media.
3. Perkhidmatan tempahan bilik tayangan\auditorium\bilik AV.
4. Perkhidmatan rakaman foto dan video.
*(Majlis anjuran pihak perpustakaan sahaja)
5. Perkhidmatan tempahan peralatan audio visual.
**(Majlis dalam perpustakaan sahaja)

Untuk tempahan perkhidmatan, pengguna perlu mengisi borang yang dicetak melalui *Files Bank* atau mendapatkannya di Kaunter Perkhidmatan Media dan sebarang pertanyaan sila hubungi 09 549 8021.



UNIT MEDIA



Disediakan oleh: Ahmad Nurudin Abdul Nasir, Unit Digital


Unit Digital merupakan unit di bawah Bahagian Pembangunan Koleksi Perpustakaan UMP ditugaskan untuk memberi tumpuan dalam pembangunan koleksi digital perpustakaan selaras dengan KPI Perpustakaan UMP untuk menjadi sebuah Perpustakaan Digital. Selain itu, unit digital bertindak sebagai unit promosi dan unit penerbitan bagi membantu proses penyebaran maklumat kepada pengguna.

OBJEKTIF UNIT DIGITAL

1. Membangun dan memastikan koleksi kertas soalan peperiksaan UMP didigitalkan dan dimasukkan ke dalam Sistem *e-Exampaper* dan koleksi tesis ke dalam IR Perpustakaan UMP untuk memudahkan pengguna merujuk secara atas talian.
2. Mempromosi perpustakaan dengan menerbitkan risalah, bunting, buletin, tayangan multimedia dan kaedah-kaedah lain untuk mempromosikan perkhidmatan dan kemudahan Perpustakaan UMP kepada pengguna.

PERALATAN PROSES PENDIGITALAN

1. Kodak ScanMate i1120 Scanner
2. Kodak A3 Flatbed Scanner
3. 2 buah Komputer Dell Precision T1500
4. BookSnap



TAHNIAH

KELAHIRAN

MOHD AZFARSHAH AZIZAN MENIMANG CAHAYAMATA PERTAMA PADA 24 JAN 2011
ROHANA SAID MENIMANG CAHAYAMATA PERTAMA PADA 28 APRIL 2011

KEJOHANAN BOLING INDIVIDU LELAKI & WANITA ANTARA STAF UMP PADA 5 MAC 2011

AZHAR WAHAB MENDAPAT TEMPAT PERTAMA - 1007 JATUHAN PIN (KATEGORI LELAKI)
AHMAD NURUDIN ABDUL NASIR TEMPAT KE 9 - 889 JATUHAN PIN (KATEGORI LELAKI)
WAN ROSNUR IRMA BINTI WAN MOHAMAD TEMPAT KE 7 - 666 JATUHAN PIN (KATEGORI WANITA)

KEJOHANAN BOLA TAMPAR PIALA BENDAHARI UMP PADA 8 MAC 2011

PASUKAN BOLA TAMPAR WANITA PERPUSTAKAAN UMP TEMPAT KE 3
PASUKAN BOLA TAMPAR LELAKI PERPUSTAKAAN UMP TEMPAT KE 4

MAJLIS ANUGERAH SUKAN UMP & PENYAMPAIAN HADIAH 2010 PADA 30 MAC 2011

AZHAR WAHAB : EMAS - 100M (VETERAN)
WAN ROSNUR IRMA WAN MOHAMAD : GANGSA - LONTAR PELURU
NORSAINI ABD SAMAD : EMAS - LOMPAT JAUH

ULANGTAHUN KELAHIRAN

JANUARI 2011

NOORUL FARINA BINTI ARIFIN	5
MOHD ESUADI BIN MUSTAFFA	10
MOHD JAMILULAWAL BIN AB AZIS	24

MAC 2011

TUAN HAJI RUSLAN BIN CHE PEE	1
NORSAINI BT ABD SAMAD	19
NOOR AZURA BINTI OMAR	20
NOR ASHIKIN BINTI AHMAD	27

FEBRUARI 2011

SHAMSOR MASRA BIN OTHMAN	11
ROHAIDA BINTI MOHAMAD IDARIS	12
NORASHIKIN BINTI NORDIN	13
NOR NADIA SHAHIDA BINTI ZAKRIA	16

APRIL 2011

DZULL ZABARROD BIN AHMAD	7
ROSFADILLA BINTI MOHAMAD ZAINUN	10
SYED MOHD FAIZ BIN SYED ABDUL AZIZ	14
SHAHIRIL BIN JOHARI	24

TAKZIAH

WARGA PERPUSTAKAAN UMP MENGUCAPKAN SALAM TAKZIAH ATAS PEMERGIAN BONDA TERSAYANG KEPADA ENCIK ZAIRI IBRAHIM PADA 30 JAN 2011 DAN BONDA PUAN SITI AISHAH GHANI PADA 13 MAC 2011.

PERTUKARAN

PERTUKARAN DALAMAN UNTUK MENINGKATKAN MUTU PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN UMP, BERMULA 1 MAC 2011



DZULL ZABARROD BIN AHMAD, TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN
DARI PERPUSTAKAAN UMP PEKAN
KE PERPUSTAKAAN UMP GAMBANG (BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN)



KAMARIAH BINTI GONO, PUSTAKAWAN KANAN
DARI UNIT SIRKULASI
KE PERPUSTAKAAN UMP PEKAN



NAZATUL SHIMA BINTI BAROJI, PUSTAKAWAN
DARI UNIT TERBITAN BERSIRI
KE UNIT SIRKULASI



**Universiti
Malaysia
PAHANG**
Empowering • Technology • Creativity

Diterbitkan oleh:
UNIT DIGITAL
Perpustakaan
Universiti Malaysia Pahang
Lebuhraya Tun Razak
26300 Gambang, Kuantan

Tel : 09 549 3131
Faks : 09 549 3132
www : <http://umplibrary.ump.edu.my>
W : <http://umplib.wordpress.com>



<http://www.facebook.com/ump.library>